



**KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN
KERAJAAN TEMPATAN**

Unit Komunikasi Korporat
Aras 2, No. 51, Persiaran Perdana
Presint 4
62100 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel: 03 – 8891 5556
Faks: 03 – 8891 5557
Laman Web: www.kpkt.gov.my
Emel: media.ukk@kpkt.gov.my
Twitter: www.twitter.com/kpkt_gov
Facebook: www.facebook.com/KPKTMalaysia

Rujukan kami: KPKT/BPK/19/7/4 Klt.48 (81)
Tarikh : 21 Ogos 2018

**KENYATAAN MEDIA
MAJLIS KESELAMATAN AKTIVITI AIR (MKA)
KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN**

**MAKLUMAN KAWASAN 'HOTSPOTS' BAGI INSIDEN KEJADIAN
LEMAS**

PUTRAJAYA, 21 Ogos 2018 – Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) telah mengenal pasti sebanyak **12 kawasan/lokasi 'hotspots'** yang dikategorikan sebagai **Kawasan Berisiko Tinggi**. Senarai kawasan 'hotspots' yang dimaksudkan adalah seperti di **Lampiran**. Sehubungan itu, JBPM telah diarahkan untuk mengawasi kawasan ini bagi tujuan mengadakan kawalan keselamatan sepanjang musim cuti persekolahan ini.

Inisiatif ini diambil sebagai usaha kementerian untuk mengurangkan insiden lemas yang telah mencatatkan peningkatan dari semasa ke semasa. JBPM telah merekodkan sebanyak **186 insiden** kejadian lemas bagi tempoh Jan-Jun tahun ini dengan insiden di **sungai/tali air** mencatatkan jumlah paling tinggi iaitu sebanyak 116 kes.

Rekod insiden mati lemas merujuk kepada insiden kematian yang melebihi dari 5 mangsa. Data ini diperolehi daripada Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia sahaja (tidak melibatkan PDRM, Polis Marin, APM, APMM dan sebagainya).

Selain inisiatif yang diambil oleh pihak kementerian untuk mengurangkan insiden kelemahan di musim cuti sekolah, adalah menjadi tanggungjawab ibu bapa juga untuk memantau pergerakan anak-anak yang menjalankan sebarang aktiviti di badan-badan air. Ibu bapa harus memastikan semua langkah keselamatan dititik beratkan sebagai langkah awal yang penting dalam membantu pihak Kerajaan mengurangkan insiden kejadian lemas di negara ini.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh YB Puan Hajah Zuraida Kamaruddin. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu PLAN Malaysia; Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia; Jabatan Perumahan Negara; Jabatan Kerajaan Tempatan; Jabatan Landskap Negara; Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara; Solid Waste Corporation Malaysia; Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata; dan Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

*Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
 b.p. Ketua Setiausaha
 Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan*

*Telefon : 03-8891 5555
Faks : 03-8891 5557
E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my*